



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 10 JULAI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **12 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj daripada wad adalah sebanyak **8,511 kes** (97.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 10 Julai 2020 pukul 12:00 tengah hari, terdapat **13 kes** baharu yang telah dilaporkan. Ini menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **8,696 kes**. Oleh itu, **jumlah kes aktif dengan keboleangkitan COVID-19 adalah 64 kes**. Mereka telah diasingkan dan diberi rawatan.

Ingin dimaklumkan daripada 13 kes baharu yang dilaporkan, lapan (8) kes adalah kes import yang telah mendapat jangkitan

di luar negara yang melibatkan enam (6) warganegara Malaysia dan dua (2) bukan warganegara (pemastautin tetap). Daripada lima (5) kes penularan di dalam negara, tiga (3) kes adalah di kalangan warganegara dan dua (2) kes adalah di kalangan bukan warganegara Malaysia.

Perincian kes jangkitan dalam negara di kalangan warganegara Malaysia (3 kes) adalah seperti berikut:

- Sarawak: dua (2) kes *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) yang telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak;
- Kuala Lumpur: satu (1) kes saringan sebelum masuk kerja.

Kes jangkitan dalam negara di kalangan bukan warganegara Malaysia (2 kes) pula adalah seperti berikut:

- Kuala Lumpur: dua (2) kes saringan di Depot Tahanan Imigresen (DTI) Bukit Jalil, di mana kedua-dua kes ini disaring semula sebelum proses penghantaran balik ke negara asal.

Sehingga kini, terdapat dua (2) kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). **Dua (2) kes tersebut memerlukan bantuan pernafasan.**

Adalah dimaklumkan bahawa **tiada** pertambahan kes kematian berkaitan COVID-19 dilaporkan pada hari ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia adalah kekal

sebanyak **121 kes** (1.39 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

PENUTUPAN PUSAT KUARANTIN & RAWATAN COVID-19 BERISIKO RENDAH MAEPS, SERDANG

KKM ingin memaklumkan bahawa Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr Adham Baba telah menyaksikan proses pesakit terakhir didiscaj hari ini daripada Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah MAEPS (PKRC), Serdang. Oleh itu, dengan rasminya pusat ini akan menamatkan operasinya pada 15 Julai 2020.

PKRC Serdang ini telah diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai salah satu langkah proaktif Kerajaan dalam menangani pandemik penyakit COVID-19 di Negara ini. Ia telah mula beroperasi secara rasmi pada 16 April 2020 dan mula menerima pesakit pertama pada 21 April 2020.

Ia merupakan kolaborasi pelbagai agensi yang diterajui oleh KKM dan melibatkan Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Markas Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan

Sukarelawan Malaysia (RELA), Jabatan Penjara Malaysia, Malaysia Genome Institute dan MAEPS.

Sehingga 10 Julai 2020, PKRC telah berjaya merawat seramai 1,362 orang pesakit di mana majoriti adalah orang bukan warganegara (86 peratus) dan 14% adalah warganegara Malaysia.

Pihak KKM ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua barisan hadapan daripada semua agensi yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan perlaksanaan operasi pusat ini.

PENGESANAN KES COVID-19 MELALUI SEVERE ACUTE RESPIRATORY INFECTION DI MALAYSIA

KKM terus memantau kejadian penyakit COVID-19 walaupun kes semakin kurang di Malaysia. Ujian pengesanan COVID-19 dijalankan secara berterusan untuk mengesan kes-kes baru di kalangan komuniti. Antaranya adalah melalui sistem surveilan klinikal seperti pengesanan kes “*severe acute respiratory infection*” (SARI) di hospital.

Pada hari ini, sistem surveilan ini telah mengesan dua (2) kes positif COVID-19 yang merupakan warganegara Malaysia. Sehingga 10 Julai 2020, sebanyak 20,897 sampel telah diambil

dan sebanyak 79 kes positif COVID-19 didapati positif (iaitu kadar positif adalah 0.38 peratus). Kadar positif ini adalah kurang daripada satu (1) peratus bermakna kebolehjangkitan adalah rendah di Malaysia. Meskipun rendah, sistem surveilan di Malaysia masih dapat mengesan kes-kes ini kerana ia mempunyai kapasiti dan kapabiliti pengesanan yang baik.

Petugas kesihatan di sektor awam dan swasta akan terus diberi latihan dan maklumat terkini untuk mengesan serta mengurus kes-kes disyaki COVID-19 misalnya *Influenza Like Illness* (ILI) dan SARI mengikut garis panduan terkini yang dibangunkan daripada maklumat terkini pelbagai sumber antarabangsa dan tempatan untuk kegunaan di dalam Malaysia.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

Pihak KKM menyeru agar orang ramai terus kekal waspada dan amalkan nasihat-nasihat kesihatan yang disarankan oleh KKM iaitu:

- **Elakkan 3S / 3C:** iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak sembang atau bertutur dengan jarak yang **dekat** (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W:** iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat pelitup

separuh muka (penutup hidung dan mulut - *facemask*) di tempat awam atau jika bergejala (**Wear**), dan (**Warn**) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:

- Elakkan bersalaman / bersentuhan;
- Amalkan etika batuk dan bersin;
- Dapatkan rawatan segera jika bergejala;
- Duduk di rumah dan elakkan kunjung-mengunjung;
- Lakukan aktiviti disinfeksi dan pembersihan di kawasan yang kerap disentuh.

Selain itu, ingatlah kepada S.O.P, iaitu:

- **S:** Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP);
- **O:** Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P:** Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

10 Julai 2020 @ 5.00 petang

**BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 10 JULAI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	1 (1)	98
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	258
SELANGOR	6 (6)	2,076
NEGERI SEMBILAN	0	1,027
MELAKA	0	256
JOHOR	1 (1)	697
PAHANG	0	365
TERENGGANU	0	111
KELANTAN	0	157
SABAH	0	378
SARAWAK	2	575
W.P. KUALA LUMPUR	3	2,445
W.P. PUTRAJAYA	0	97
W.P. LABUAN	0	17
JUMLAH KESELURUHAN	13 (8)	8,696

*() adalah merujuk kepada kes-kes import